

9 MAR 1996

Mahathir-Proton

MAHATHIR LANCAR PENJUALAN PROTON WIRA DI VIETNAM

Oleh: Zainoor Sulaiman

HO CHI MINH CITY, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan penjualan kereta model Proton Wira 1.6GLi dalam pasaran Vietnam -- kumpulan pertama kereta Proton yang dipasang di luar Malaysia.

Rakan syarikat Proton, Vina Star Stars Motor Corporation (VINASTAR) merancang mengeluarkan 200 unit model itu tahun ini dan jumlah itu akan meningkat kepada 360 unit tahun depan.

Proton Wira pandu kiri itu dijual dengan harga lulusan kerajaan AS\$29,090, yang mampu bersaing dengan buatan Jepun seperti Toyota, Mazda dan Honda.

Antara kira-kira 300 tetamu yang hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

Semasa berucap pada majlis pelancaran itu, pengerusi Proton Datuk Seri Yahaya Ahmad berkata Vietnam ialah negara ke-30 yang mengimport kereta Proton dan yang pertama memasang kereta itu untuk Proton Malaysia.

Katanya sehingga Disember tahun lepas, Proton mengeksport 115,126 unit dengan jumlah terbesar 85,734 unit ke Britain.

Vinastar, syarikat usahasama milik bersama Proton, Tracimexco (milik Vietnam), Mitsubishi Motor Corporation dan Mitsubishi Corporation telah melantik 11 pengedar dan rangkaian khidmat servis di seluruh Vietnam untuk mempromosi, memasarkan dan menyediakan perkhidmatan lepas jualan untuk kereta Proton.

Pengarah Besar Vinastar Shuroku Atahari berkata beliau yakin teknologi Mitsubishi, pengalaman Proton mengenai hal ehwal setempat dan kemahiran mengenai penduduk Vietnam, Proton Wira dan kenderaan lain yang dipasang oleh syarikat itu -- Mitsubishi L300 dan Canter -- merupakan pilihan terbaik dalam pasaran tempatan.

Sebelum itu, Dr Mahathir melancarkan kilang Malaysia-Vietnam Glass Ltd (MVGL), di sini, projek usahasama sulung antara Vietnam dan Malaysia.

Semasa berucap pada majlis itu, Perdana Menteri berkata dengan pelaburan AS\$25 juta, MVGL ialah kilang kaca terbesar dan termoden di Vietnam.

Projek itu menyediakan pekerjaan kepada 500 orang yang mendapat latihan di kilang Malaya Glass di Johor.

Katanya cadangan Malaya Glass untuk melabur dalam kilang kaca kedua di Vietnam, kali ini di Hanoi, jelas mencerminkan keyakinan syarikat-syarikat dan pelabur Malaysia di Vietnam serta potensi ekonomi negara itu.

Dr Mahathir kemudian menghadiri taklimat mengenai projek Pusat Bandaraya dan Sukan Phu Tho yang akan dimajukan oleh sebuah lagi syarikat Malaysia, Usaha Tegas Sdn. Bhd.

Semasa bercakap kepada wartawan Malaysia sebelum berlepas pulang ke tanah air, katanya beliau sukacita dengan hasil lawatannya dan menjangkakan peningkatan aktiviti perniagaan Malaysia di Vietnam.

Perdana Menteri yang meninjau beberapa projek usahasama antara Malaysia dan Vietnam berkata beliau puashati dengan kemajuan yang dicapai oleh syarikat-syarikat itu.

Beliau menasihati peniaga Malaysia di sini agar dapat menyesuaikan diri dengan keadaan setempat dan tidak seharusnya leka agar tidak ditinggalkan oleh peniaga dari negara lain dalam pasaran yang berdaya saing ini.

Semasa di negara ini, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Vo Van Kiet di Hanoi dan juga mengunjung hormat Presiden Le Duc

Anh.

Beliau juga mengadakan pertukaran pendapat panjang lebar dengan setiausaha agung Parti Komunis Vietnam, Do Muoi.

Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani 11 Memorandum Persefahaman antara peniaga Malaysia dan rakan dari Vietnam di sini, di Hanoi dan Danang. -- Bernama

ZS AHH